

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	FRIM-FITEC anjur seminar reka bentuk perabot	Utusan Malaysia
2.	Hanya satu klik curi data peribadi	Berita Harian
3.	Teroka pasaran ASEAN	Harian Metro
4.	Jejak Dinosaur	Utusan Malaysia
5.	Islam has long preached sustainable living	New Straits Times
6.	Kakitangan awam kena dekati masyarakat: Zabidi	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 24 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

FRIM-FITEC anjur seminar reka bentuk perabot

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC) akan menganjurkan Simposium Reka Bentuk Perabot Nasional pada 26 dan 27 November ini di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurut kenyataan FRIM, seminar tersebut diadakan bertujuan menggalak dan mengukuhkan industri perabot Malaysia di peringkat global.

"Simposium ini dianjurkan dengan sokongan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kerajaan Negeri Sembilan, Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)," kata kenyataan tersebut.

Simposium tersebut dijangka dihadiri kira-kira 200 peserta dari kalangan usahawan perabot, pereka, kakitangan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta pelajar institut pengajian tinggi (IPT).

Simposium yang bakal dirasmikan oleh Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad juga bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai pentingnya hubung kait antara reka bentuk, bahan mentah, teknologi dan pasaran demi meningkatkan nilai eksport perabot negara.

Tiga pengucap utama iaitu Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Dekan Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Mohamad Omar Bidin; dan rakan kongsi Roland Berger Strategy Consultants Sdn. Bhd. Malaysia, John Low akan masing-masing menyampaikan pembentangan bertajuk, *Bahan Mentah/Inovasi/Potensi*; *Design as Pillar for Excellent Product*; dan *Cara untuk mempromosikan dan memasarkan produk*.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd. Latif Mohmod dan kedua-dua timbalannya Dr. Mohd. Nor Mohd. Yusoff dan Dr. Norini Haron juga akan menghadiri simposium tersebut.

Pakar-pakar FRIM akan membentangkan dua topik iaitu:

- Kepentingan Ujian Perabot untuk Memenuhi Kepuasan Pelanggan oleh Pengarah Bahagian Keluaran Hutan, Dr. Rahim Sudin.
- Sistem Pengeringan Suhu Tinggi oleh Ketua Program Pemprosesan Termaju dan Rekabentuk, Dr. Tan Yu Eng.

Untuk pendaftaran atau maklumat lanjut, hubungi Yanti Abdul Kadir (03-62797705 / yanti@frim.gov.my); Noor Azrieda Abdul Rashid (03-62797415 / azrieda@frim.gov.my) atau Siti Zaleha Ali (03-62797386 / sitizalehaali@frim.gov.my).

Eksklusif

Hanya satu klik curi data peribadi

» **Taktik terbaharu penjenayah godam e-mel akses maklumat tanpa disedari**

Oleh Syalikhha Sazili
syalikhha@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Satu klik pada pautan yang diterima menerusi e-mel boleh menyebabkan seseorang menjadi mangsa sindiket penipuan siber yang mencuri data peribadi.

Kaedah itu menjadi taktik terbaharu penjenayah siber bagi menggodam e-mel tanpa disedari oleh mangsa.

Antara cara dikesan ialah penghantaran e-mel tertera arahan 'klik di sini jika tidak dapat membaca mesej' yang mengandungi pautan khusus.

Apabila mangsa menekan pautan itu, penggodam mendapat akses kepada maklumat senarai kenalan mangsa, termasuk alamat e-mel dan data peribadi.

Hantar secara automatik

Malah, klik di pautan itu akan menyebabkan e-mel sama dihantar kepada mangsa lain secara automatik, menyebabkan lebih ramai menjadi mangsa penipuan atau spam ini.

Kakitangan swasta, Samad Ra-



Mohd Zaman Khan Rahim Khan

him, 62, yang pernah menjadi mangsa penipuan internet berkata, mangsa dipercayai dipilih secara rawak.

"Beberapa hari lalu saya menerima e-mel daripada anak lelaki dengan mesej 'klik di sini jika tidak dapat membaca mesej'.

"Apabila saya klik, yang keluar cuma skrin kosong. Saya hanya menyedari ia spam apabila rakan menelefon dan bertanyakan kandungan e-mel yang saya hantar," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata, e-mel berkenaan

dibuka oleh penerima kerana nama penghantar adalah kenalan terdekat atau ahli keluarga.

Maklumat sulit

Apa yang membimbangkan, katanya, pelbagai maklumat sulit disimpan dalam e-mel seperti nombor pengesahan peribadi (PIN) akaun bank dan nombor kad pengenalan.

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tan Sri Mohd Zaman Khan Rahim Khan, turut menjadi mangsa sindiket penipu-

an menerusi e-mel berkenaan. "Rupanya satu klik itu sudah membuka ruang kepada penjenayah menggodam maklumat di telefon bimbit dan komputer peribadi saya.

"Ada rakan mendakwa mendapat e-mel yang kononnya dihantar oleh saya dan meminta mereka memasukkan kata laluan baharu, kononnya atas faktor keselamatan bagi mengelak maklumat digodam.

"Sebenarnya itu adalah perangkap mendapatkan data peribadi mangsa," katanya.

Cyber-Security nasihat orang ramai lebih berhati-hati

Kuala Lumpur: Pengguna telefon bimbit dan komputer perlu lebih berhati-hati terhadap ancaman jenayah siber, selain perlu mengambil serius keselamatan mengakses maklumat secara atas talian.

Ketua Pegawai Eksekutif Cyber-Security Malaysia (Cyber-Security), Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata mereka terdedah terhadap ancaman kerana kurang mengambil langkah perlu melindungi data peribadi.

Katanya, Cyber-Security mendapati lebih 3,000 kes penipuan internet dilaporkan dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini.

"Kita menerima pelbagai aduan berkaitan sindiket klik pautan internet menerusi e-mel yang di-

"Kecanggihan teknologi dan penggunaannya yang meluas menyukarkan pengguna mengesan ancaman penggodam, maka pengguna perlu mengutamakan langkah keselamatan"

Dr Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif Cyber-Security



kategorikan sebagai penipuan internet.

Kes tertinggi dilaporkan

"Ja antara kes tertinggi dilaporkan setiap tahun dan pelbagai kaedah dilakukan bagi memrangkap mangsa, termasuk mendesak pengguna mendedahkan data peribadi.

"Pengguna yang termakan oleh 'arahan' itu berdepan risiko data peribadi mereka digodam," katanya.

Amirudin berkata, orang ramai perlu membuat aduan jika menerima e-mel yang kandungannya meragukan atau berbau ancaman berkaitan data peribadi.

Katanya, Cyber-Security sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan bagi menangani masalah terbabit.

Utamakan keselamatan

"Kecanggihan teknologi dan penggunaannya yang meluas menyukarkan pengguna mengesan ancaman penggodam, maka pengguna perlu mengutamakan langkah keselamatan.

"Dapatkan maklumat atau pan-

duan untuk mengesan ancaman siber menerusi laman web www.cybersecurity.my," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mempunyai pusat tindak balas kecemasan bagi membantu pengguna menangani ancaman siber.

Katanya, pengguna boleh menghubungi Cyber-Security menerusi pelbagai cara seperti talian kecemasan, SMS atau e-mel.



FAKTA NOMBOR

3,000
kes

penipuan internet dilaporkan ke Cyber-Security dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini

Teroka pasaran ASEAN

■ Biotechcorp tunggu fasa ketiga Dasar Bioteknologi Nasional bermula

Oleh Hafiz Ithnin
 hafizithnin@mediapri-
 ma.com.my
 Kuala Lumpur

Malaysia Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotechcorp) berhasrat untuk mula menerokai pasaran ASEAN secara meluas apabila bermulanya fasa ketiga Dasar Bioteknologi Nasional (NBP) menjelang 2016.

NBP fasa kedua yang dilaksanakan antara tahun 2011 hingga 2015 ketika ini menunjukkan prestasi positif daripada segi pencapaian tarikan pelaburan langsung sama ada domestik dan asing serta menawarkan peluang pekerjaan yang melebihi daripada sasaran di letakkan pada awal pelaksanaannya.

Ketua Pegawai Eksekutif Biotechcorp Datuk Dr Nazlee Kamal berkata, pelaburan ketika ini mencatatkan sejumlah RM18.53 bilion dan 83,400 peluang pekerjaan ditawarkan yang mana sasaran diletakkan di awal pelaksanaannya masing-masing RM9 bilion dan 80,000 peluang pekerjaan.

Beliau berkata, prestasi itu menunjukkan industri syarikat bioteknologi negara mampu melebarkan pas-



"Kita mula sedikit demi sedikit untuk menerokai pasaran ASEAN dan Thailand bersetuju untuk menjalinkan kerjasama"
 Dr Nazlee Kamal

ran nya ke luar negara dengan

Thailand dijangka menjadi rakan dagangan pertama dalam industri itu secara formal pada akhir tahun ini yang dilaksanakan oleh Biotechcorp.

"Kita mula sedikit demi sedikit untuk menerokai pasaran ASEAN dan Thailand bersetuju untuk menjalinkan kerjasama secara formal dalam segmen pembangunan kajian serta pengkomersialan produk bioteknologi.

"Ini adalah langkah awal untuk membantu syarikat bioteknologi tempatan memahami langkah ke pasaran asing sebelum kita melaksanakannya secara agresif

pada fasa ketiga kelak," katanya.

Persidangan Ekonomi ASEAN (AEC) yang bakal berlangsung di Malaysia pada ta-

hun depan turut menjadi faktor kesediaan Biotechcorp mengembangkan dagangan ke rantau berkenaan.

Sejak 2007 hingga Novem-

ber 2014, Biotechcorp mencatatkan 240 syarikat berstatus BioNexus dan jumlah yang berjaya mengeksport produk mereka di pasaran asing masih kecil.

Nazlee berkata, Malaysia mempunyai kualiti produk bioteknologi berstandard tinggi, tetapi masyarakat masih mempunyai tanggapan skeptikal mengenainya.

"Sebelum syarikat ini ke pasaran asing, kita mahu produk yang dikomersialkan mereka diterima oleh pengguna tempatan dan ini menjadi satu cabaran meskipun ada di kalangan produk mereka sudah mendapat tempat di luar negara berbanding di negara sendiri," katanya.

PERBANDINGAN PRESTASI NBP FASA 1 DAN 2

PETUNJUK	FASA 1 SASARAN (2006-2010)	FASA 1 PENCAPAIAN (2011-2015)	FASA 2 SASARAN	FASA 2 PENCAPAIAN SETAKAT INI
PELABURAN	RM6b	RM5.4b	RM9b	RM18.53b
PEKERJAAN	40,000	54,776	80,000	83,400
PEROLEHAN (syarikat BioNexus sahaja)	RM20b	RM13.3b	RM50b	RM3.2b
SUMBANGAN KDNK	2.5%	2.2%	4.0%	2.2% (setakat 2010)

Sumber: Biotechcorp

